

24 APR 2000

MAHATHIR-MAKANAN/I

DR MAHATHIR: MALAYSIA PERLU KELUARKAN LEBIH MAKANAN & JENIS MAKANAN

KUALA LUMPUR, 24 April (Bernma) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia perlu mengeluarkan lebih banyak jumlah dan jenis makanan bagi memenuhi keperluan tempatan, gantian import dan eksport.

Ini memerlukan komitmen tetapi boleh dilakukan dengan cekap dan menguntungkan, katanya dalam ucap utama beliau bertajuk "Wawasan Baru Mengenai Pertanian" di seminar sehari mengenai peluang pelaburan dalam sektor pertanian di sini.

Dr Mahathir berkata Malaysia telah dianggap penting dalam industri makanan di sini seperti pembuatan biskut "tetapi saya yakin kita boleh keluarkan lebih banyak lagi."

Beliau memberitahu syarikat-syarikat perladangan supaya membuka minda mereka untuk melihat potensi pengeluaran tanaman selain dari tanaman kelapa sawit dan getah mereka.

Syarikat-syarikat perladangan, katanya, mengganti pokok-pokok getah dengan kelapa sawit "tetapi dengan kadar mereka memotong pokok-pokok mereka, Malaysia akan menghadapi masalah bekalan (minyak kelapa sawit pada masa depan) yang serius."

Pada masa itu, katanya, setiap orang dalam industri kelapa sawit akan segera meminta bantuan kerajaan.

Ketika itu, mereka mungkin tidak meminta potongan cukai tetapi subsidi dari kerajaan, katanya.

"Kita rasa masanya telah tiba bagi kita mengeluarkan makanan kerana tidak banyak tanah diperlukan untuk pengeluaran tanaman kerana tanah yang sama untuk kelapa sawit dan getah boleh digunakan untuk pengeluaran tanaman," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata terdapat tanah yang luas untuk aktiviti seperti itu kerana banyak yang tidak digunakan sepenuhnya atau tidak digunakan langsung di seluruh negara.

Dr Mahathir berkata syarikat-syarikat perladangan boleh mencontohi apa yang dilakukan di Eropah di mana kitaran tanaman dan penanaman bercampur dilakukan dengan bijak.

Tanaman makanan dari ladang-ladang di Eropah membekalkan rangkaian-rangkaian pasaraya yang juga menasihati para petani apakah jenis tanaman untuk ditanam dan apakah gred dan saiz yang mereka perlukan

"Kita perlu berbuat begini secara besar-besaran dan ini memerlukan orang yang mempunyai wang," katanya. "Saya rasa syarikat-syarikat perladangan telah mencatat pencapaian yang baik dan mereka harus memasuki bidang ini."

Dr Mahathir berkata penyelidikan harus dilakukan untuk memperbaiki pengeluaran dan kualiti tanaman oleh sektor swasta dan awam.

Beliau berkata walaupun banyak penyelidikan memberikan hasil yang baik, ia tidak dikomersialkan oleh mereka yang berkeupayaan melabur.

Perdana Menteri turut menasihati para pemilik ladang kelapa sawit supaya menternak lembu di ladang-ladang mereka dengan menanam rumput untuk dijadikan makanan.

"Ia boleh dilakukan dengan cekap dan terdapat potensi besar untuk diraih di sini," katanya.

Dr Mahathir turut menarik perhatian mengenai pembelian tanah di Australia untuk menternak lembu kerana terdapatnya bidang tanah yang luas di sana.

Mengenai pemakanan babi di negara ini, beliau berkata ia tidak popular di kebelakangan ini kerana wabak Japanese encephalitis/virus Nipah.

Beliau juga merasakan aktiviti penternakan babi boleh dilakukan oleh rakyat Malaysia di luar negara.

Dr Mahathir juga menyentuh mengenai bagaimana untuk memasarkan tanaman Malaysia dengan lebih baik di mana beliau berkata ia boleh disambut baik jika ia "dibungkus, dilabel dan diberikan jenama yang sesuai untuk menjadikannya lebih menarik."

Beliau memerhatikan dalam banyak pasaraya tempatan, buah-buahan luar negara dibungkus dengan kemas tetapi buah-buahan tempatan "dilonggokkan dalam bakul, tidak dikategorikan dan tidak dibungkus."

Dr Mahathir juga berkata tanaman makanan harus digred, contohnya memberikan gred kepedasan cili yang akan membantu pembuat sos cili.

Beliau turut mengulas mengenai potensi yang besar dalam pembiakan ikan di Malaysia kerana terdapat tempat yang sesuai bagi aktiviti itu dan negara juga boleh memajukan teknologi dan kemahirannya sendiri dalam pembiakan ikan.

Contohnya, terdapat lagun air masin di pantai Timur dan Laut China Selatan yang boleh digunakan untuk pembiakan ikan air masin.

Beliau juga berkata kerajaan negeri Terengganu telah bersetuju untuk menggunakan lagun-lagun di negeri itu untuk aktiviti aguakultur. -- BERNAMA

AD SHY JR